

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 MARCH 2015



**SIASATAN MH370 DIDEDAH**

Selepas genap setahun hilang

Malaysia, Australia, China kom terusi pencari >16

Tujuan utama penyiasatan kemalangan atau insiden sebegini adalah untuk mencegah daripada kejadian yang sama berlaku. Ini bukan untuk menyalahkan atau meletakkan 'bungkawan'.

MOO CHON  
Mast, Pemandu  
Kerjasama Lampiran 12  
Utusan, MH370

DUA wanita yang MH370 tidak dapat memandu sebaik ketika mahu meninggalkan MH370 di Kuala Lumpur.

INTAN NALIZA OTMAN  
Menteri Pertahanan  
Utusan, MONIZ

Antara fakta ditemukan pasukan siasatan antarabangsa:

- ▶ Tiada keadaan enjin yang luar biasa.
- ▶ Bateri kotak hitam luput 14 bulan.
- ▶ Bateri litium ion Motorola Solutions tidak lahi mesin imbasan di Pulau Pinang tetap diperiksa oleh pegawai kastam pada...
- ▶ Bateri litium ion tiba di KLIA dan dimasukkan ke dalam MH370 tanpa imbasan keselamatan tambahan.
- ▶ Tiada perubahan kelakuan sosial, perubahan mood, pengalihan atau alkohol di kalangan krew.
- ▶ Tiada pendapatan kasar bulanan dan belanja tunai ke krew yang...

BERITA LAGI GAMBAR  
MUKA 3, 12, 13 & 16

**KERATAN muka depan Utusan Malaysia keluaran semalam.**

Ada 'permainan teknologi' di sebalik kehilangan MH370

**Tenggelamkan pesawat tidak masuk akal - Dr. M**

UUM - 10/3/2015

Oleh **THOMAS CHONG**  
penarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 9 MAC

**B**EKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, teori yang mengatakan bahawa juruterbang sengaja menenggelamkan pesawat Malaysia Airlines (MAS), MH370 di selatan Lautan Hindi adalah tidak masuk akal.

Negarawan itu sebaliknya khuatir kehilangan pesawat Boeing 777 itu pada tahun lalu adalah disebabkan 'permainan teknologi'.

Beliau menjelaskan, spekulasi bahawa juruterbang menerbangkan pesawat MH370 ke Lautan Hindi untuk menenggelamkannya adalah tidak logik kerana juruterbang tidak perlu menunggu sehingga lima jam untuk berbuat demikian.

"Saya tahu terdapat pihak yang mengatakan bahawa juruterbang memilih untuk membawa pesawat ke kawasan lautan yang paling dalam dan menenggelamkan kapal terbang secara perlahan-lahan supaya badan pesawat tidak pecah.

"Ini agak pelik kerana jika juruterbang mahu bunuh diri, dia boleh berbuat demikian sejak awal lagi. Dia

**PP**

**Spekulasi bahawa juruterbang menerbangkan pesawat MH370 ke Lautan Hindi untuk menenggelamkannya adalah tidak logik kerana juruterbang tidak perlu menunggu sehingga lima jam untuk berbuat demikian."**

**MAHATHIR MOHAMAD**  
Bekas Perdana Menteri

tidak perlu menunggu lima jam dan mencari tempat yang elok untuk menenggelamkan pesawat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Orde Baharu Dunia anjuran Yayasan Keamanan Global Perdana (GPGF) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir

berkata, adalah tidak logik jika kapal terbang seberat 230 tan tidak pecah jika terjatuh ke dalam laut dari langit.

"Kemajuan teknologi komunikasi membolehkan wajah manusia dilihat dengan jelas walaupun orang itu berada di tempat yang amat jauh, tetapi pesawat MH370 hilang secara misteri.

"Kejadian seperti ini tidak pernah terjadi dalam sejarah dunia, saya khuatir ada 'permainan teknologi' dalam kejadian ini," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, Dr. Mahathir mempersoalkan kenapa tuduhan dilakukan ke atas Rusia sebaik sahaja sebuah lagi pesawat MAS, MH17 ditembak jatuh dari ruang udara Ukraine.

"Apa bukti yang menunjukkan pesawat MH17 ditembak oleh Rusia? Sehingga hari ini, kita tidak tahu tentang kandungan kotak hitam pesawat ini manakala bangkai pesawat juga tidak dibawa pulang ke Malaysia.

"Kenapa bangkai pesawat kita dibawa ke Belanda? Adakah kerana mahu menentukan bukti bahawa Rusia menembak jatuh pesawat MH17 supaya sekatan boleh dilakukan?" katanya lagi.